

02 JUN 2002

Ling-Matrikulasi/I

MCA SAMBUT BAIK KURSUS MATRIKULASI UNTUK SEMUA

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- MCA hari ini menyambut baik langkah kerajaan membuka kursus matrikulasi kepada pelajar bukan Bumiputera dengan berkata ia akan merangsangkan integrasi nasional.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata keputusan kabinet itu, pada mesyuarat Rabu lepas, adalah satu sejarah dan langkah wajar dalam usaha untuk memupuk hubungan erat antara pelbagai kaum di negara ini.

"Dengan membenarkan pelajar bukan Bumiputera mengambil kursus matrikulasi, ia bukan hanya membantu mereka memasuki universiti kerajaan tetapi juga akan memberi peluang kepada pelajar pelbagai bangsa bergaul sesama sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis tamat pengajian Institut CECE (institut bagi kursus pendidikan awal kanak-kanak) di sini.

Pada Khamis, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa kerajaan akan membenarkan 10 peratus penyertaan bukan Bumiputera di semua 22 kolej dan universiti yang menjalankan program matrikulasi.

Menyentuh satu perkara lain, Dr Ling yang juag Menteri Pengangkutan berkata parti itu akan menyerahkan semua keputusan mengenai pemilihan MCA kepada jawatankuasa pemandu pemilihan parti yang diketuai setiausaha agung MCA Datuk Seri Dr Ting Chew Peh.

Beliau menyatakan perkara itu ketika diminta mengulas perdebatan hangat yang berlaku pada mesyuarat agung Pemuda MCA Selangor di ibu pejabat parti di sini pagi ini.

"Kita akan menyerahkan kepada jawatankuasa pemandu...kita telah memutuskan untuk mengekalkan status quo, tiada apa lagi yang perlu ditambah," kata Dr Ling yang enggan menjawab soalan mengenai senario politik parti itu.

Mengenai Institut CECE, presiden MCA itu berkata institut berkenaan yang merupakan sebahagian daripada cabang pendidikan MCA, akan melatih lebih ramai Orang Asli untuk mengajar kelas pra sekolah di tempat masing-masing.

Seramai 11 Orang Asli lulus daripada institut itu hari ini dan MCA merancang untuk melatih lebih ramai lagi dalam masa terdekat ini.

"Ini satu perkara baik kerana ia akan membantu mereka mengajar kanak-kanak Orang Asli di tempat tinggal mereka sendiri... kita akan menyediakan geran RM50,000 bagi tujuan itu kepada institut berkenaan," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting yang turut menyambut baik langkah kerajaan itu berkata jika semua kaum dapat menerima keputusan itu dengan baik, rakyat di negara ini akan dapat mula melihat satu persaingan yang sihat antara kaum dalam bidang pelajaran.

Langkah kerajaan membenarkan 10 peratus penyertaan bukan bumiputera di semua kolej dan universiti yang menjalankan program matrikulasi, serta kemasukan ke Maktab Rendah Sains Mara, tidak menjejaskan mana-mana pihak malah menggalakkan tidak berlaku pengasingan kaum, katanya.

Ong berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah Hari Wesak anjuran Jawatankuasa Penyelaras Buddhist Malaysia yang menggabungkan sembilan buah persatuan Buddha di negara ini.

Mengenai cadangan Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) supaya usaha yang sama turut dibuat oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina, beliau berkata tiada sekatan untuk bangsa lain memasuki

sekolah itu.

Sejak zaman sebelum merdeka telah terdapat ibu-bapa pelbagai bangsa menghantar anak-anak mereka ke sekolah bukan aliran bahasa ibunda mereka, katanya.

Katanya kekurangan jumlah sesuatu kaum dalam kolej swasta mungkin daripada segi kemampuan kewangan yang kadangkala menyebabkan mereka yang kurang mampu tidak mengira kaum telah memilih untuk ke institusi pengajian tinggi awam.

-- BERNAMA

FA HK RHM